


Gesa umat Islam faham syarat kemampuan tunai haji

HARIAN METRO 26/10/2023 11:5:9

Sepang: Umat Islam di Malaysia perlu diberikan kefahaman tepat mengenai konsep dan pengertian istito'ah atau syarat kemampuan menunaikan haji, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau berkata, bakal jemaah haji perlu memenuhi lima syarat kemampuan yang digariskan hukum syarak iaitu kesihatan yang baik; ada kenderaan pergi dan bälîk ke Tanah Suci; aman dalam perjalanan; kewangan mencukupi dan kebenaran pihak Arab Saudi.

Bercakap pada sidang media pada Majlis Penutup Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-40, di sini, semalam, Mohd Na'im berkata, Islam adalah agama



BAKAL jemaah haji perlu memenuhi lima syarat kemampuan yang digariskan hukum syarak untuk menunaikan rukun Islam kelima.

yang mudah dan Allah tidak mewajibkan sesuatu ibadat di luar kemampuan manusia.

“Ada ramai dalam kala-nungan bakal haji yang sang-gup melakukan apa sahaja semata-mata untuk mendapat peluang pergi haji se-dangkan syarat wajib itu gugur sekiranya mereka ti-dak memenuhi lima syarat kemampuan yang digaris-kan hukum syarak.

“Jika umat Islam di Ma-laysia diberikan kefahaman yang tepat terhadap konsep dan pengertian istito'ah, maka saya percaya tidak akan timbul kerisauan dan kegusaran yang melam-pau apabila tidak dapat menunaikan ibadat haji da-

lam jangka masa yang ter-dekat atas alasan yang di-benarkan hukum syarak,” katanya.

Mohd Na'im berkata, Lembaga Tabung Haji ber-peran untuk menjelas-kan tentang hukum me-nunaikan ibadat haji kh-ususnya berkaitan syarat ke-mampuan kepada bakal je-maah.

Pada majlis itu, beliau tu-rut melancarkan aplikasi e-Bimbingan Haji bagi me-mudahkan urusan pem-be-lajaran bakal jemaah ter-masuk petugas haji serta Pengkursus Ibadat Haji Ta-nah Air (Pekta).

“Aplikasi itu bo-leh dimuat tu-rut ke telefon bimbit mu-lai Jumaat ini,” kata-nya.

Allah tidak
mewajibkan sesuatu
ibadat di luar
kemampuan manusia